

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kamera AwAS yang telah dipasang di seluruh Malaysia setakat Jun 2019. Apakah rancangan Kementerian di masa depan berkenaan pemasangan Kamera AwAS ini. Berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dan bayaran kompaun yang dikutip semenjak September 2018 hingga hari ini, mengikut pecahan bulanan masing-masing.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 16 Jun 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera *Automated Enforcement System* (AES) telah beroperasi iaitu empat (4) lokasi di negeri Johor, empat (4) lokasi di negeri Melaka, enam (6) lokasi di negeri Selangor, tujuh (7) lokasi di negeri Kedah, satu (1) lokasi di negeri Pulau Pinang, lima belas (15) lokasi di negeri Perak, dua (2) lokasi di Negeri Sembilan, dua (2) lokasi di negeri Terengganu, satu (1) lokasi di negeri Kelantan, dua (2) lokasi di negeri WP Kuala Lumpur dan satu (1) lokasi di WP Putrajaya.

2. Pada masa ini, belum ada sebarang pemasangan kamera baharu dilakukan. Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan penentuan semula lokasi bagi membuat penambahbaikan dengan mengemaskini kawasan kerap kemalangan berasaskan data-data terkini. Walau bagaimanapun, penambahan kamera ini akan dilaksanakan kelak mengambilkira keperluan semasa serta peruntukan kewangan yang ada.

NO. SOALAN : 419

3. Jumlah saman yang telah dikeluarkan sejak 1 September 2018 hingga 16 Jun 2019 adalah sebanyak 169,060 dan jumlah bayaran kompaun yang telah dikutip adalah sebanyak RM 6,905,100.00.

Sekian, terima kasih.